

PM tolak syor Mara

BF - 3/9/2006

Jangan potong simpanan KWSP kutip pinjaman tertunggak

Oleh Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menolak cadangan Mara untuk memotong simpanan Akaun II Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi menangani masalah pinjaman pelajaran tertunggak peminjam berkenaan.

Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak boleh dilakukan dan beliau langsung tidak bersetuju dengan cadangan itu.

“Wang caruman KWSP adalah untuk kegunaan kemudiam hari, apabila pencarum bersara. Jadi jika wang itu dikeluarkan untuk membayar hutang Mara, akhirnya apabila mereka memerlukan wang itu pada masa depan, mereka akan menghadapi kesukaran.

“Saya fikir adalah lebih baik Mara memikirkan kaedah lain, seperti menstruktur semula pinjaman atau kaedah lain (untuk mengutip semula pinjaman). Janganlah pilih kaedah ini sebagai satu cara menyelesaikannya,” katanya selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Ampang, di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, Kabinet juga tidak membincangkan isu itu dalam mesyuarat mereka baru-baru ini.

Cadangan memotong simpanan

Akaun II bagi pinjaman tertunggak dikemukakan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Khamisyah Yeop, ketika mengulung Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2006) bagi kementerian itu di Dewan Rakyat, minggu lalu.

Cadangan itu dibuat berikutan Mara menanggung tunggakan pinjaman pelajaran berjumlah lebih RM300 juta. Mara mengeluarkan pinjaman pelajaran berjumlah RM4.1 bilion kepada 97,860 pelajar sejak 1992 hingga Mac lalu.

Bagaimanapun, kelmarin, Khamisyah dipetik sebagai berkata, cadangan itu masih dalam perbincangan pada peringkat Mara dan belum dikemukakan kepada kementerian.

Sebelum ini, pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk kesatuan sekerja membantah cadangan Mara mendapatkan semula hutang tertunggaknya menerusi pemotongan Akaun II KWSP peminjam berkenaan.

Sementara itu, mengulas mengenai pasukan pengaman ke Lubnan, Abdullah berkata, Malaysia tetap dengan pendirian untuk menghantar pasukan pengaman selepas mendapat mandat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), biarpun sehingga kini belum ada kata putus daripada badan dunia itu.

“Mereka (PBB) setakat ini memuktuskan memanggil negara yang berdekatan Eropah untuk menghantar pasukan pengaman.

“Sebenarnya saya lebih suka sekiranya pasukan pengaman itu memabitkan askar dari negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), dan kita antara negara OIC yang sedia untuk berbuat demikian,” katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah berhubung dengan Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan dan memaklumkan kepadanya bahawa Malaysia mempunyai pengalaman luas sebagai pasukan pengaman dan di setiap negara yang ia berkhidmat, pasukan Malaysia mendapat sanjungan dan penghargaan kerana rekod perkhidmatan yang baik.

Sementara itu, Abdullah berkata, tidak terlintas di hatinya untuk berbohong dengan tidak memberi pendedahan penuh mengenai kontrak yang diterima Kumpulan Scomi, yang mana anak lelakinya, Kamaluddin mempunyai kepentingan kawalannya.

Abdullah berkata, dalam satu temuramah dengan Pengerusi Bernama, Datuk Anuar Zaini yang disiarkan TV3 baru-baru ini, beliau ada menjawab pelbagai kritikan yang dilemparkan kepadanya termasuk mengenai anaknya dan Scomi.

Dalam temuramah itu, Abdullah dipetik sebagai berkata, Kamaluddin tidak pernah menyalahgunakan hubungan keluarga untuk mendapat projek kerajaan. Kamaluddin tidak terlibat dalam syarikat tempatan, mendapat konsesi atau meminta pertolongan kerajaan, malah 80 perniagaan beliau adalah dari luar negara.

“(Berikutan itu) baru-baru ini saya ada menerima surat yang memberitak maklumat bahawa ada projek tertentu yang diberikan kepada Scomi tetapi saya tidak tahu mengenai kerana saya tidak menguruskan perniagaan anak saya.

“Saya dah minta laporan daripada Scomi, biar saya tengok... saya tidak ada apa-apa yang hendak disorok, dan jika ada kesilapan dalam pengumuman itu, saya mohon maaf,” katanya.

FAKTA NOMBOR

Pinjaman pelajaran Mara

RM300j

Tunggakan pinjaman

RM4.1b

Jumlah pinjaman pelajaran sejak 1992 hingga Mac lalu